

**MAJLIS PERASMIAN KAMPUS  
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**


oleh  
**YAB Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi**  
Perdana Menteri Malaysia

**25 November 2008 (Selasa)**  
(27 Zulkaedah 1429H)



## Nama dan Logo USIM

Motif logo korporat Universiti Sains Islam Malaysia dilambangkan melalui sebuah kubah berserta dengan lima bintang atau "Arabes".



Secara keseluruhannya logo ini menunjukkan Universiti Sains Islam Malaysia sebagai sebuah institusi pengajian tinggi Islam yang membawa bersama dasar-dasar Islam dalam menyampaikan ilmu kepada penuntut-penuntutnya.

# Kandungan

● Kata Alu-aluan	
- YAB Perdana Menteri	2
- YAB Menteri Besar Negeri Sembilan	4
- YB Menteri Pengajian Tinggi	6
- YBhg. Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti	8
- YBhg. Naib Canselor	10
● Kampus USIM	11
● Atur Cara Majlis	13
● Penubuhan Universiti Sains Islam Malaysia	15
● Lembaga Pengarah Universiti	19
● Ahli Mesyuarat Pengurusan Universiti	20
● Perkembangan Akademik	21
● Senarai Ahli Jawatankuasa	25
● Lagu	26
● Penghargaan	27





## **YAB DATO' SERI ABDULLAH HAJI AHMAD BADAWI**

**Perdana Menteri Malaysia**

D.K. (Johor), D.K. (Kelantan), D.K. (Pahang), D.U.K. (Kedah), S.U.M.Z., S.P.M.S.,  
D.B.S.J., S.S.S.J., S.P.S.A, S.S.A.P., D.U.P.N., S.P.D.K., D.U.N.M., D.P., S.P.N.S.,  
D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N.



# Kata Alu-aluan

## YAB Perdana Menteri

**Bismillahirrahmanirrahim**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.**

Saya ingin mengucapkan syabas kepada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), sebuah lagi institusi pengajian tinggi di Malaysia yang berperanan untuk sama-sama menyumbang ke arah memartabatkan pendidikan di negara ini kerana telah berjaya menubuh dan merasmikan kampus tetapnya.

Kerajaan percaya bahawa tahap kemajuan sesebuah negara dan masyarakatnya berkait rapat dengan akses masyarakat tersebut kepada sistem pendidikan berkualiti. Generasi muda yang berilmu pengetahuan dan dinamik dalam pelbagai bidang merupakan asas dan nadi penggerak kemajuan negara. Justeru, pelbagai usaha sedang dan akan diambil untuk memastikan anak-anak muda negara ini dapat dididik menjadi warganegara yang bersedia untuk menggalas tanggungjawab tersebut serta ampuh untuk mendepani segala cabaran di zaman globalisasi.


Menyedari hakikat ini, kerajaan sentiasa memberikan penekanan terhadap usaha-usaha untuk meningkatkan mutu pendidikan negara dari segenap aspek. Kementerian Pengajian Tinggi sesungguhnya menggalas tanggungjawab yang amat besar dalam memberikan penumpuan terhadap pembangunan universiti serta mutu pendidikan tinggi negara ke arah melahirkan para graduan yang global, serba boleh dan berdaya saing. Adalah menjadi hasrat kerajaan untuk melahirkan universiti-universiti tempatan yang bertaraf dunia, yang secara langsung akan mengangkat Malaysia sebagai sebuah pusat kecemerlangan pendidikan di rantau ini.

Justeru, USIM mempunyai peranan yang penting dalam memberikan pendidikan tinggi yang berkualiti setaraf dengan mana-mana universiti terbaik di dunia. Berpandukan kurikulum pengajian yang menyeluruh dan terkini, didukung oleh tenaga pengajar dan kakitangan yang dinamik serta dilengkapi dengan peralatan yang moden dan canggih, saya yakin universiti ini berpotensi untuk melahirkan para graduan yang cemerlang di dalam pelbagai bidang yang ditawarkan.

Sebagai sebuah Pusat Pengajian Tinggi Sains berasaskan Islam, saya juga berharap agar USIM akan membangunkan keupayaan penyelidikan dan pembangunannya (R&D) sebagaimana yang dituntut oleh agama agar dapat dimanfaatkan bagi mengangkat martabat Islam di mata dunia. Pada masa yang sama, hubungan strategik dengan pihak industri perlu sentiasa dijalinan agar proses perkongsian ilmu dan idea kognitif dan inovatif dalam pelbagai konteks akan dapat diwujudkan.

Semoga semangat cintakan ilmu dan budaya pengajian sepanjang hayat akan terus didukung agar USIM akan muncul sebagai universiti yang berwibawa dan disegani serta menjadi ukuran nilai dalam bidang pendidikan Sains dan Islam, bukan sahaja di peringkat nasional malahan di peringkat antarabangsa.

**Wassalam.**




**YAB DATO' SERI ABDULLAH HAJI AHMAD BADAWI**  
Perdana Menteri Malaysia



**YAB DATO' SERI UTAMA HAJI MOHAMAD HAJI HASAN**

Menteri Besar, Negeri Sembilan  
S.P.N.S., D.S.N.S., P.S.D., D.S.S.A., A.N.S.



# *Kata Alu-aluan*

## **YAB Menteri Besar Negeri Sembilan**

**Bismillahirrahmanirrahim**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.**

Saya mengucapkan syabas kepada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) sempena Perasmian Kampus di Nilai, Negeri Sembilan.

Perasmian Kampus USIM menjadi satu lagi mercu tanda kejayaan pembangunan dan kebanggaan Negeri Sembilan. Lokasinya yang strategik diharapkan akan menjadi pemangkin pembangunan di Negeri Sembilan khususnya, Nilai.

Kawasan Nilai akan menjadi bandar ilmu yang menempatkan pelbagai Institusi Pengajian Tinggi Awam, Institusi Pengajian Tinggi Swasta dan Pusat Penyelidikan serta menjadi pemacu pertumbuhan pembangunan Negeri Sembilan. Pembangunan di USIM memberi peluang kepada masyarakat negeri ini menjalankan aktiviti perniagaan seiring dengan usaha untuk membangunkan negeri ini.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pengurusan USIM yang turut membantu menyelesaikan masalah masyarakat melalui penyelidikan, bimbingan juga pengajaran. Melalui penyelidikan di USIM, penduduk Negeri Sembilan mendapat kesan penambahbaikan kualiti kehidupan di negeri ini. Usaha baik ini pasti dapat diteruskan dan dipertingkatkan lagi pada masa akan datang.

Saya yakin pembangunan fizikal kampus USIM yang indah memberi kesan tinggi terhadap imej negeri ini, khususnya dalam soal mengembang dan memartabatkan ilmu.

**Wassalam.**

**YAB DATO' SERI UTAMA HAJI MOHAMAD BIN HAJI HASAN**  
**Menteri Besar Negeri Sembilan**



**YB DATO' SERI MOHAMED KHALED NORDIN**

Menteri Pengajian Tinggi  
S.I.M.P., S.P.M.P., D.S.P.N., S.M.J., P.I.S.



# *Kata Alu-aluan*

## **YB Menteri Pengajian Tinggi**

**Bismillahirrahmanirrahim**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.**

Saya berasa sangat gembira dan bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, maka Majlis Perasmian Kampus Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di Bandar Baru Nilai ini dapat disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi pada hari ini.

Kepada YAB Perdana Menteri, kami mengucapkan "Selamat Datang ke USIM".

Sekalung tahniah juga wajar diberikan kepada USIM kerana dalam tempoh lapan tahun ini, bermula dari sejak ia ditubuhkan, pihak pengurusan dan seluruh warganya telah bertungkus lumus untuk membangunkan universiti ini sama ada dari segi infrastrukturnya mahupun pembangunan akademiknya.

Satu perkara yang pasti ialah hari ini, impian untuk melahirkan sebuah universiti Sains Islam telah dapat kita jayakan berkat hasil kesabaran dan perancangan teliti semua pihak yang dipertanggungjawabkan untuk merealisasikan hasrat tersebut.


Dan hasilnya, hari ini USIM bukan sahaja telah membangunkan bangunan fakulti, dewan kuliah, perpustakaan, Bangunan Canselori, kompleks sukan dan bangunan kemudahan pelajarannya sendiri tetapi juga telah mampu untuk menampung 4,203 orang pelajar, 1,109 orang staf pengurusan dan sokongan serta 474 orang tenaga akademik.

Dalam erti kata yang lain, pertumbuhan dan perkembangan USIM bukan sahaja dapat dilihat dari sudut pembangunan fizikalnya tetapi juga pertumbuhan modal insannya yang merupakan nadi utama kepada mana-mana institusi pengajian tinggi.


Harapan kita semua ialah untuk melihat USIM terus cemerlang dan akhirnya menjadi sebuah institusi Sains Islam yang unggul, disegani dan dihormati bukan sahaja kerana kredibiliti yang ada pada namanya tetapi juga kerana kemampuannya untuk melahirkan graduan-graduan yang berkualiti di dalam bidang Sains dan kepakaran tertentu yang dapat dibanggakan oleh Malaysia dan dunia Islam.

Selamat Maju Jaya dan Tahniah.

**Wassalam.**




**YB DATO' SERI MOHAMED KHALED NORDIN**  
**Menteri Pengajian Tinggi Malaysia**



**YBHG. TAN SRI DR. MOHAMAD YUSOF NOOR**

Pengerusi Lembaga Pengarah

P.S.M., S.P.M.T., D.S.S.A. (Sel), J.M.N., P.P.T. (Ns), D. P. M. T., K.M.N., S.S.A.P.



# *Kata Alu-aluan*

## **YBhg. Pengerusi Lembaga Pengarah USIM**

**Bismillahirrahmanirrahim**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.**


Bagi pihak Lembaga pengarah Universiti saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YAB Dato' Seri Abdullah Hj Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia kerana sudi melapangkan masa untuk merasmikan kampus Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Kesudian YAB Dato' Seri adalah sangat tepat dan bersesuaian dengan penekanan beliau untuk membangunkan modal insan yang menjadi salah satu daripada objektif penting penubuhan USIM sendiri.

Bernaungkan visi pembangunan modal insan yang diterajui oleh YAB Perdana Menteri Malaysia sendiri, USIM telah berkembang mengeluarkan mahasiswa yang berketerampilan dan berupaya menghadapi sebarang cabaran sama ada di dalam atau di luar negara. Dengan kehadiran YAB Perdana Menteri untuk merasmikan kampus ini sudah tentu seluruh warga USIM akan terdorong untuk bekerja dengan lebih gigih bagi membangunkan segala yang sukar dicapai oleh kaum intelek di Malaysia sebelum ini khususnya pelajar-pelajar Islam yang pernah dianggap sebagai kurang berkemampuan untuk menghadapi cabaran semasa.


USIM akan meneruskan perjalanan bagi melaksanakan impian dan cita-cita pemimpin negara.

**Terima kasih khusus kepada YAB Perdana Menteri Malaysia.**

**Wassalam.**



**YBHG. TAN SRI DR. MOHAMAD YUSOF NOOR**  
Pengerusi Lembaga Pengarah  
Universiti Sains Islam Malaysia



**YBHG. PROFESOR DATO' DR. ABDUL SHUKOR HAJI HUSIN**

Naib Canselor  
D.S.N.S., D.I.M.P., J.S.M.



# Kata Alu-aluan

**YBhg. Naib Canselor**

**Bismillahirrahmanirrahim**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.**

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kita diberi peluang untuk menjayakan Majlis Perasmian Kampus Universiti Sains Islam Malaysia pada hari ini.

Jika disingkap kembali susur-galur sejarah, usia Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dilihat masih muda bak setahun jagung. Namun, penghormatan yang diberikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia dengan persetujuan merasmikan kampus USIM pada hari ini telah menyuntik sinergi dan membakar semangat setiap warganya untuk menjadi penggerak terbaik di antara yang terbaik.


Bermula dengan pengambilan 255 orang pelajar pada tahun 2000, kini USIM tidak lagi menoleh ke belakang dan terus melangkah ke hadapan hatta mempunyai enrolmen pelajarinya sehingga mencecah 5000 orang. Kepelbagaian penawaran program pengajian berteraskan Islam telah mengaspirasikan kewujudan lapan buah fakulti, meliputi penawaran lima program pengajian di peringkat Tamhidi (Matrikulasi), 22 program pengajian di peringkat Sarjana Muda, 12 program di peringkat Sarjana, lima program di peringkat Doktor Falsafah dan tiga program pengajian di peringkat diploma lepasan ijazah.

USIM kini bertekad dengan azam dan komitmen yang tinggi akan terus gigih berusaha untuk mencapai misi serta visinya dengan melaksanakan pelan strategiknya bagi menjayakan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara. Di samping itu juga, USIM akan terus berusaha untuk menempatkan diri sebagai Universiti Apex lantas tersenarai di dalam kelompok universiti terbaik dunia pada masa akan datang.

Saya mengucapkan tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak terutamanya kepada YAB Perdana Menteri Malaysia di atas kesudian meluangkan masa untuk majlis pada hari ini, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, Kerajaan Negeri Sembilan, dif-dif terhormat yang hadir, dan tidak lupa kepada warga kerja USIM sendiri yang bertungkus-lumus menjayakan majlis pada hari ini. Semoga kecemerlangan USIM ini dapat diteruskan agar penjana ilmu kepada anak bangsa dapat dicambahkan, digilap dan dapat diwariskan kepada generasi demi generasi mendatang.




Sekian dan terima kasih.

Wassalam.



**YBHG. PROFESOR DATO' DR. ABDUL SHUKOR HAJI HUSIN**  
**Naib Canselor**  
**Universiti Sains Islam Malaysia**







# Atur Cara

## Majlis PERASMIAN Kampus USIM

- 3.45 petang : Ketibaan tetamu jemputan
- 4.00 petang : Ketibaan YBhg. Tan Sri Dr. Mohamed Yusof Noor, Pengerusi Lembaga Pengarah USIM
- 4.05 petang : Ketibaan YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, Menteri Pengajian Tinggi
- 4.10 petang : Ketibaan YB Menteri-Menteri Kabinet
- 4.15 petang : Ketibaan YAB Dato' Seri Utama Haji Mohamad Haji Hassan, Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus
- 4.30 petang : Ketibaan YAB Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia
- 4.35 petang : Taklimat Khas Naib Canselor di Dewan Senat
- 5.00 petang : Atur Cara Perasmian Kampus di Dataran Canselori
- : Nyanyian Lagu Negaraku/ Lagu Negeri Sembilan Darul Khusus/ Lagu USIM Terus Maju/ Lagu Cemerlang, Gemilang, Terbilang



25 Nov 2008  
(27 Zulkaedah 1429H)



- : Bacaan Doa
- : Ucapan Alu-aluan YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin,  
Menteri Pengajian Tinggi
- : Ucapan YAB Dato' Seri Utama Haji Mohamad Haji Hassan,  
Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus
- : Ucapan Perasmian oleh YAB Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi,  
Perdana Menteri Malaysia
- : Pelancaran Perasmian
- : Penyampaian Cenderamata
- : Jamuan
- 6.30 petang : Bersurai



# PENUBUHAN UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA (USIM)

Menyusur sejarah penubuhan USIM, telah tercatat sejarah permulaan, bahawa usaha penubuhan Universiti Islam di Malaysia telah bermula sebelum merdeka lagi. Malahan, usaha tersebut tidak terhenti setakat penubuhan Kolej Islam Malaya (KIM) pada 1956 tetapi berterusan pada tahun 1960-an dan 1970-an. Apabila Fakulti Pengajian Islam (FPI) ditubuhkan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), usaha menubuhkan Universiti Islam agak perlahan tetapi tidak terhenti noktahnya di situ sahaja. Beberapa golongan, kumpulan dan individu terus membincangkan keperluan membentuk Universiti Islam yang dimiliki sepenuhnya oleh negara. Kepimpinan politik dan peristiwa pada tahun 1996 telah menyumbang kepada pembentukan Universiti Islam di Malaysia.


Penubuhan USIM bermula 10 tahun lalu di mana perbincangan tentang pembentukan Universiti Islam milik negara sepenuhnya telah diadakan pada 25 September 1996. Antara yang menghadiri perbincangan tersebut ialah YAB Dato' Seri Mohd Najib Tun Razak, selaku Menteri Pendidikan pada waktu itu; YBhg. Tan Sri Dato' Dr. Abdul Hamid Othman, Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab menguruskan hal-hal berkaitan agama Islam; YBhg. Tan Sri Datuk Dr. Wan Zahid Mohd. Noordin, Ketua Pengarah Pendidikan; YBhg. Prof. Dato' Dr Mohd Sham Mohd. Sani, Naib Canselor UKM; YBhg. Prof. Datuk Dr. Anuar Ali Pengarah Bahagian Pendidikan Tinggi di Kementerian Pendidikan; dan YBhg. Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Haji Husin, Dekan Fakulti Pengajian Islam di UKM pada masa itu. Individu-individu berkaliber tersebut telah menyumbang pelbagai idea, cadangan dan konsep yang begitu bermakna sehingga penubuhan KUIM menjadi realiti. Pada 11 Jun 1997, Mesyuarat Jemaah Menteri telah meluluskan penubuhan KUIM dan penubuhannya telah diwartakan pada 13 Mac 1998.

Sejarah penempatannya mempunyai persamaan dengan penghijrahan Rasulullah SAW dalam usaha mengembangkan dakwah Islam ke serata dunia. Perpindahan melambangkan usaha ke arah



kejayaan. Penempatan bermula dengan meminjam beberapa bilik di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi kemudian berpindah pula ke Bangunan Institut Profesional Baitulmal (IPB), Kuala Lumpur, dan seterusnya menyewa Menara A dan B, Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Pandan Indah. Akhirnya, Bandar Baru Nilai Negeri Sembilan dilihat sebagai tempat paling strategik untuk pembangunan kampus tetap USIM. Kepesatan pembangunan fizikal USIM kini dapat dilihat oleh semua. Infrastruktur dan prasarana USIM yang berkembang maju kini bakal menjadikan daerah setempat ini sebagai taman ilmu yang indah. Disokong oleh pembangunan fizikal yang pesat, pelbagai program dan aktiviti akademik serta kemasyarakatan dapat dilaksanakan dengan jaya dan sempurna.

Naib Canselor USIM YBhg. Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin telah diberi kepercayaan membentuk universiti yang baru ini pada tahun 1999. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Agama Al-Junid yang sangat terkenal di Singapura. Beliau seterusnya melanjutkan pelajaran di Universiti Al-Azhar di Mesir pada peringkat Sarjana Muda, Sarjana dan Ijazah Kedoktoran. Dengan latar belakang pendidikan dan profesional yang mantap, beliau merupakan calon yang amat sesuai untuk mengemudi universiti ini. Turut membantu beliau dalam tugas yang amat berat dan mencabar ini ialah YB Dato' Dr. Abdullah Mohamad Zin. Beliau merupakan alumni Universiti Islam Madinah, Arab Saudi dan memegang Ijazah Sarjana dari Universiti Al-Azhar Mesir dan Ijazah Kedoktoran dari University of Kent, England. YB Dato' Dr. Abdullah Mohamad Zin merupakan ahli akademik yang mempunyai kepakaran dalam bidang Dakwah, Sufi dan Teologi di FPI, UKM; semasa YBhg. Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor sedang mencari rakan sejawat yang boleh merealisasikan penubuhan sebuah universiti awam yang mampu memartabatkan lagi kualiti pengajian Islam di peringkat tinggi di negara ini yang mampu memartabatkan lagi kualiti pengajian Islam di peringkat tinggi di negara ini.





Bersama pentadbir-pentadbir UKM lain seperti Tuan Haji Addenan Haji Abdul Rahman yang kemudian menjadi Pendaftar KUIM dan Puan Hajah Rohani Abu yang kemudiannya menjadi Bendahari universiti, keempat-empat orang individu ini memulakan tugas di pejabat sementara di Tingkat 5 Fakulti Pengajian Islam, UKM.

Sebelum kemasukan pertama pelajar pada pertengahan tahun 2000, pengurusan universiti telah melantik beberapa ahli akademik dan pentadbiran bagi melicinkan perjalanan universiti. Antaranya, Encik Jasmin Jaimon, Ketua Pustakawan KUIM, yang telah menyertai kepimpinan awal universiti dalam merencanakan lagi pertumbuhan universiti.

Di samping itu, beberapa ahli akademik telah dilantik termasuk beberapa individu yang telah menerajui fakulti-fakulti, iaitu Tuan Haji Alwi Yusoff (Pemangku Dekan Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah), Allahyarham Tuan Sheikh Salim Sheikh Salleh (Pemangku Dekan Fakulti Syariah dan Kehakiman), YBhg. Prof. Dato' Dr. Mohamed Asin Dollah (Dekan Fakulti Dakwah dan Pengurusan Islam) dan YBhg. Prof. Dato' Dr. Muhamad Muda (Dekan Fakulti Ekonomi dan Muamalat), telah membantu menyediakan kurikulum bagi pelbagai program akademik dan hal-hal berkaitan polisi dan struktur universiti. Manakala Prof. Dr. Muhammad Haji Alias pula kemudiannya telah dilantik sebagai Timbalan Rektor (Hal Ehwal Pelajar dan Pembangunan) dan telah berperanan dalam usaha memperkemas lagi pengurusan kualiti dalam universiti.



MARHUM TUNKU BESAR BURHANUDDIN  
DK (Kelantan), SPT, SPMK  
SEMBANG DARUL KHUSUS



## PENUBUHAN UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA (USIM)

Pelantikan Tuanku Canselor USIM, DYMM Tuanku Najihah Binti AIMarhum Tunku Besar Burhanuddin kemudiannya turut membuka lembaran baru dalam lipatan sejarah USIM. Baginda amat aktif dalam bidang kemasyarakatan dan sering dilantik sebagai penaung kepada pelbagai persatuan kebajikan, antaranya Pertubuhan Puteri Negeri Sembilan dan Lembaga kebajikan Perempuan Islam dan Institusi Wanita. Justeru, Tuanku Najihah Syariah and Law Lecture, program tahunan anjuran Fakulti Syariah dan Undang-undang telah dinamakan bersempena dengan nama baginda. Baginda juga terkenal sebagai seorang yang aktif dan hebat dalam bidang sukan. Antara bidang sukan yang diceburi oleh baginda ialah golf, hoki, bola keranjang, tenis dan menembak. Baginda turut menjadi Penaung Pasukan Hoki Wanita Malaysia, Pasukan Bola Sepak Wanita Malaysia, Pasukan Golf Wanita Malaysia dan Persatuan Golf Wanita Malaysia (MALGA).

Pembangunan di USIM dapat dilaksanakan dengan jayanya dengan kerjasama yang erat di antara Universiti dengan Kementerian Pengajian Tinggi. Dalam Rancangan Malaysia ke-8, beberapa bangunan telah dapat disiapkan di antaranya Bangunan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Bangunan Fakulti Syariah dan Undang-undang, Dewan Kuliah Pusat, Bangunan Pusat Pengurusan Ilmu dan Teknologi Maklumat, Bangunan Canselori dan infrastruktur asas kampus USIM. Usaha kerja keras Unit Pembangunan; bangunan Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah dan Perpustakaan dapat diteruskan. USIM juga sedang giat bagi membina bangunan baru bagi Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Fakulti Sains dan Teknologi dan Pusat Tamhidi.




Atas dasar penggunaan teknologi terkini, semua bangunan di USIM di lengkapkan dengan peralatan ICT moden dan canggih. Warga USIM dapat menikmati kemudahan ICT di setiap sudut kawasan kampus, kerana kampus USIM dilengkapi dengan kemudahan tanpa wayar untuk berhubung dengan dunia luar melalui internet.

Infrastruktur yang serba moden ini akan mendorong warga USIM untuk terus gigih berusaha bagi menjayakan hasrat negara untuk maju seiring dengan Wawasan 2020 terus tercapai.

**AHLI LEMBAGA PENGARAH  
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA (USIM)**

**Pengerusi**

**YBhg. Tan Sri Dr. Mohamad Yusof Noor**  
P.S.M., S.P.M.T., D.S.S.A. (Sel), J.M.N., P.P.T. (Ns), D. P. M. T., K.M.N.,  
S.S.A.P., M.A (al-Azhar), Dip.Pen. (Ain Shams), PhD (Cairo)



**Ahli-Ahli**

**YBhg. Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Haji Husin**  
D.I.M.P., J.S.M., D.S.N.S., al-Aliya, M.A, PhD (al-Azhar), Dip.Pend. (Ain Shams)



**YBhg. Dato' Syed Amin Al-Jeffri**  
D.S.S.A., B.K.M., A.M.N., P.J.K., B.Ec Hons, Chartered Acc. (M),  
CA (Canada), (FTII), CPA



**En. Omar bin Abd Rahman**  
A.M.N., B.A Hons (UM), M.A (Ir) (Denver, USA)



**Tuan Syed Azmi Syed Hamid**  
B.A. Hons (Malaya), DPA (INTAN), MPA (Pittsburgh)




**YBhg. Dato' Mohd Dahan Abd. Latiff**  
D.I.M.P., KMN, BEcon Acc (Malaya)



**YBhg. Dato' Dr. Wan Hashim Wan Teh**  
D.P.M.P., J.S.M., P.P.T., BA Hons MA (Monash), PhD (Manchester)



**YB Dato' Ishak Sahari**  
S.M.P., D.P.T.J., LLB (Hons) (UM)



**Setiausaha**

**Tuan Haji Addenan Haji Abd. Rahman**  
A.N.S., P.J.K., B.A Hons (Malaya), MPA (Iowa State)



**AHLI MESYUARAT PENGURUSAN UNIVERSITI  
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA (USIM)**



**Pengerusi**

• YBhg. Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Haji Husin  
D.I.M.P., J.S.M., D.S.N.S., al-Aliya, M.A, PhD (al-Azhar), Dip.Pend. (Ain Shams)



**Ahli-Ahli**

• Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Y.Bhg Prof. Dato' Dr. Muhamad Muda  
D.I.M.P., D.N.S. DIB (UiTM), BBA (Ohio, USA) Cert. In Adv. and Bank Mgmt (Manila),  
MBA (Cincinnati, Ohio), PhD (Manchester)



• Timbalan Naib Canselor (HEP dan Alumni)

YBhg. Prof. Dato' Dr. Mohamed Asin Dollah  
D.I.M.P., S.A.P., Sm P.I Kepujian (UK Malaysia), MLitt. (Glasgow), PhD (Birmingham)



• Pendaftar

Tuan Haji Addenan Haji Abdul Rahman  
A.N.S., P.J.K., B.A. Hons (Malaya), MPA (Iowa State)



• Bendahari

Puan Hajah Rohani Abu  
A.N.S., B.Ec. (Malaya), MEc. (Ohio), MAIA (Ohio)



• Ketua Pustakawan

En. Jasmin Jaimon  
BSc. Hons (UKM), Post Grad. Dip. Lib. Sc. (UiTM), Dip. Sys. Analysis (UiTM)



• Pengarah Pembangunan

En. Ir. Daim Saian  
B.Eng (Malaya), MIEM, P.Eng

## PERKEMBANGAN AKADEMIK



Hari ini tercipta lembaran baru yang akan menjadi kenangan dalam lipatan sejarah dalam ruang lingkup Institusi-Institusi Pengajian Tinggi Awam di Malaysia.

Pada hari Selasa, 25 November 2008 menjadi saksi kepada perasmian kampus universiti ini secara rasmi sebagai kampus induk Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) oleh YAB Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia.

USIM merupakan sebuah Universiti Islam Malaysia yang pertama ditubuhkan oleh Kerajaan Malaysia pada permulaan abad ke-21. Ia merupakan Institusi Pengajian Tinggi Awam yang ke-12 di negara ini dan didaftarkan dengan nama Universiti Sains Islam Malaysia (sebelum ini dikenali dengan nama Kolej Universiti Islam Malaysia).

Antara tujuan penubuhan KUIM ialah memartabatkan pendidikan Islam serta membawanya ke dalam arus perdana pendidikan negara dan menekankan penggunaan teknologi maklumat dalam sistem pengajaran dan penyelidikannya. Penguasaan bahasa Arab dan Inggeris di samping bahasa kebangsaan juga menjadi tumpuan. Walau bagaimanapun, dalam usaha menjenamakan imej dan meningkatkan citra KUIM, berbagai-bagai rintangan, halangan dan persepsi berjaya ditempuhi setelah beroperasi selama lebih dari lima tahun.

Lima tahun sebelumnya, keyakinan masyarakat terhadap KUIM agak terbatas kerana mereka menganggap KUIM hanya menawarkan bidang Pengajian Islam tradisional sahaja. Lebih daripada itu, ada yang menganggap KUIM hanya menawarkan program peringkat Diploma sahaja seperti kolej-kolej universiti milik swasta yang lain. Persepsi sedemikian berpanjangan sehingga ke peringkat antarabangsa, apabila KUIM sering dianggap sebagai sebuah fakulti dan dalam masa yang sama, konsep kolej universiti tidak begitu popular di sana dan sering kali dianaktirikan. Sebaliknya, masyarakat luar negara lebih yakin dan berminat menghantar anak mereka memasuki institusi yang bergelar universiti penuh berbanding dengan institusi yang bergelar Kolej Universiti.



Apatah lagi, graduan KUIM menghadapi kesukaran mendapat tempat di universiti-universiti terkemuka luar negara untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah kerana kebanyakannya meletakkan persepsi bahawa KUIM adalah universiti kelas kedua.

Menyedari keperluan kepada penjenamaan semula itu, kerajaan telah mengambil langkah dengan mengumumkan pertukaran nama semua institusi pengajian awam yang bertaraf Kolej Universiti kepada Universiti penuh.

Maka, melalui proses penjenamaan semula ini, Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) kini bergelar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) berkuat kuasa pada 1 Februari 2007.

USIM kini berupaya melaksanakan fungsi yang bersifat "specialized" tetapi menawarkan pelbagai program ijazah yang diperlukan oleh negara. Penggunaan "specialized-based university" adalah kerana USIM menjadikan Pengajian Islam sebagai teras utama wajib kepada semua program pengajiannya. Ia merentasi semua cabang ilmu dan semua pengajian yang ditawarkan. Masa depan dan peluang mendapatkan pengajian tinggi dalam bidang-bidang selain daripada Pengajian Islam tradisional, terutama bidang kritikal akan menjadi sukar bagi pelajar aliran agama sekiranya USIM tidak melaksanakan skop pengajian yang menyeluruh.

Dalam usaha memastikan matlamat tersebut terlaksana, USIM menetapkan pengambilan pelajarannya terhad supaya tumpuan khusus dapat diberikan untuk membina keterampilan, kebolehan dan disiplin serta keimanan yang jitu di kalangan pelajar. Bermula dengan pengambilan kumpulan perintis seramai 255 orang pelajar pada bulan Jun 2000, kini USIM mempunyai jumlah pelajar seramai 6747 orang. Buat masa ini, USIM mempunyai 47 program pengajian

## Empat negara sertai debat bahasa Arab

SEKALI lagi Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) menjadi tuan rumah pertandingan Debat Bahasa Arab Institut Pengajian Tinggi Asean kali ketiga, baru-baru ini.

Pertandingan di kampus Usim di Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan itu menyaksikan 20 pasukan dari empat negara Asean mengambil bahagian iaitu Malaysia, Indonesia, Singapura dan Brunei Darussalam.

Dalam kenyataannya, Usim berkata, pemilihan itu satu penghormatan dalam memartabatkan inebusi itu ke peringkat lebih tinggi selain memperjuangkan keagungan bahasa Arab.

Menurutnya, sebagai universiti yang menjadikan bahasa itu sebagai bahasa komunikasi utama, pengajuran ini diharap dapat menjadikannya sebagai salah satu bahasa global.

"Pertandingan ini medium terbaik mahasiswa mencanai kebolehan berkomunikasi seterusnya mewujudkan kerjasama intelektual antara



PLATFORM...debat IPT Asean platform menjalin kerjasama di samping memperjuangkan keagungan bahasa Arab.

IPT Asean terbabit.

"Ia juga wadah membentuk keberanian, bakat dan keyakinan diri di samping mewujudkan semangat perpaduan antara satu sama lain selain pertukaran budaya akademik," katanya.



Pertandingan kali ketiga itu mendapat kerjasama Majlis Debat Universiti-Universiti Malaysia (Madum) dan Kementerian Pengajian Tinggi.

Mahasiswa peringkat diploma dan ijazah sarjana muda yang menyertai pertandingan berdebat mengenai pelbagai isu semasa

demikian meningkatkan pemikiran secara kreatif dan kritis.

Bertemakan 'Membudayakan Bahasa Arab Sebagai Bahasa Ilmu dan Diplomasi', majlis perasmian, disempurnakan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Datuk Dr. Mashitah Ibrahim.

Johan membawa pulang wang tunai RM5,000, piala pusingan, piala iringan dan sijil penghargaan manakala naib johan meraih RM3,000 manakala pendebat terbaik mendapat RM1,500.





yang ditawarkan oleh lapan buah fakulti, iaitu Fakulti Pengajian Quran & Sunnah (FPQS), Fakulti Kepimpinan & Pengurusan (FKP), Fakulti Syariah & Undang-Undang (FSU), Fakulti Ekonomi & Muamalat (FEM), Fakulti Sains & Teknologi (FST), Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK), Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), dan Fakulti Pergigian (FPg). Senarai 47 program pengajian yang ditawarkan adalah seperti berikut:

1. Doktor Falsafah Pengajian Quran dan Sunnah
2. Doktor Falsafah Syariah dan Kehakiman
3. Doktor Falsafah Da'wah dan Pengurusan Islam
4. Doktor Falsafah Ekonomi dan Pentadbiran Muamalat
5. Doktor Falsafah Dalam Bidang Sains dan Teknologi
6. Sarjana Pengajian Quran dan Sunnah
7. Sarjana Undang-undang
8. Sarjana Undang-undang Perbandingan
9. Sarjana Syariah
10. Sarjana Da'wah dan Pengurusan Islam
11. Sarjana Ekonomi dan Pentadbiran Muamalat
12. Sarjana Sains
13. Sarjana Kaunseling (Kaunseling Keluarga)
14. Sarjana Komunikasi (Pengurusan Media)
15. Sarjana Da'wah dan Kepimpinan
16. Sarjana Bahasa Arab Komunikasi
17. Sarjana Kaunseling (Penyalahgunaan Dadah)
18. Sarjana Muda Perakaunan dengan Kepujian
19. Sarjana Muda Pemasaran (Perkhidmatan kewangan) dengan Kepujian
20. Sarjana Muda Pentadbiran Muamalat dengan Kepujian
21. Sarjana Muda Pentadbiran Korporat dan hubungan dengan kepujian
22. Sarjana Muda Komunikasi dengan Kepujian
23. Sarjana Muda Kaunseling dengan Kepujian
24. Sarjana Muda Da'wah dan Pengurusan Islam dengan Kepujian
25. Sarjana Muda Bahasa Arab dan Komunikasi dengan Kepujian
26. Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Islam) dengan Kepujian
27. Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah dengan Kepujian
28. Sarjana Muda Pengajian Quran dengan Multimedia dengan Kepujian
29. Sarjana Muda Pengajian Sunnah dengan Pengurusan Maklumat (Kepujian)
30. Sarjana Muda Pembedahan Pergigian
31. Sarjana Muda Perubatan dan Sarjana Muda Operasi
32. Sarjana Muda Sains Komputer dengan Kepujian (Keselamatan dan Jaminan Maklumat)
33. Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Fizik Gunaan)
34. Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Bioteknologi Makanan)
35. Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Sains Aktuari dan Pengurusan Risiko)
36. Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Teknologi Kimia Industri)
37. Sarjana Muda Sains Kepujian (Matematik Kewangan)
38. Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa dengan Kepujian
39. Sarjana Muda Syariah dan Undang-Undang dengan Kepujian
40. Tamhidi Perubatan
41. Tamhidi Sains dan Teknologi
42. Tamhidi Syariah dan Undang-undang
43. Tamhidi Perakaunan dan Muamalat
44. Tamhidi Pergigian
45. Diploma Amalan Kehakiman dan Guaman Syarie
46. Diploma Siswazah dalam Penyalahgunaan Dadah
47. Diploma Pendidikan (Pendidikan Islam)

## PERKEMBANGAN AKADEMIK

### Usim menang anugerah di London

**K**UALA LUMPUR: Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) memenangi dua emas dan dua perak di pameran British Invention Show, London, pada 15 hingga 18 Oktober lalu.

Anugerah itu membabitkan empat penyelidikan merangkumi Efficient Control of Virus Propagation (ECOVP); Jawi Character Recognition Tool (E-Jawi) yang memenangi pingat

emas; Efficient Detection of Worm Attack (EDOWA) dan Efficient Defensive from Virus Infection through Apoptosis (EDVITA), pingat perak.

Terdapat lebih daripada 200 projek penyelidikan dipamer serta dipertandingkan manakala setiap penyelidikan diadili sekurang-kurangnya dua pengadil dari seluruh dunia.

Pensyarah Fakulti Sains

dan Teknologi, Madiah Mohd Saudi, berkata dalam pameran itu, 38 penyertaan adalah daripada institusi pengajian tinggi awam (IPTA) Malaysia

"Pameran seperti itu adalah titik permulaan bagi penyelidikan tempatan mengentengahkan bahan penyelidikan mereka di pentas antarabangsa," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Kesemua program pengajian yang ditawarkan berpegang teguh kepada prinsip dan falsafah kesepaduan antara ilmu Aqli dan Naqli serta budi pekerti yang mulia merentasi semua bidang ilmu, termasuk bidang al-Quran, Sunnah, fiqh, syariah, undang-undang, ekonomi, muamalat, komunikasi, pengurusan, kaunseling, sains, perubatan, sains dan teknologi dalam membentuk generasi cemerlang dan masyarakat berilmu. Hasilnya, kebolehpasaran

graduan USIM semakin meningkat dan terus diyakini oleh masyarakat. Buktinya, lebih 80 peratus graduan USIM mendapat pekerjaan dalam pelbagai bidang profesional setelah tamat pengajian peringkat Sarjana Muda pada tahun 2006.

Selain itu, USIM juga memberikan tumpuan utama kepada pengajian peringkat siswazah. Penubuhan Pusat Pengajian Siswazah dapat membantu hasrat USIM untuk mencapai 40 peratus pelajar USIM adalah pelajar di peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah. Pelajar di peringkat siswazah ini dapat mendorong USIM meningkatkan lagi penyelidikan terutama dalam ilmu teras yang diterapi oleh USIM.

Bagi menyokong kecemerlangan universiti, USIM telah menubuhkan beberapa pusat dan institut iaitu Institut Fatwa Sedunia (INFAD), Pusat Pengajian Siswazah (PPS), dan Pusat Pengurusan Penyelidikan (PPP), Pusat Pengajian Umum (PPU), Pusat Penyelidikan dan Pengurusan Halal, Pusat Pengurusan Harta dan Kewangan Islam. INFAD yang ditubuhkan seawal tahun 2002 telah menghasilkan satu sistem berkomputer bagi menguruskan Fatwa sama ada dalam atau luar negara.

Penyelidikan di USIM juga telah menerima beberapa anugerah dari dalam dan luar negara seperti:

- 1) ECOVP- Efficient Control of Virus Propagation (memenangi pingat emas) di British Invention Show, London Britain.
- 2) E-JAWI- JAWI Character Recognition Tool (memenangi pingat emas) di British Invention Show, London Britain.
- 3) Roselle HS03100-29-7-1-6-3-1: A Potential Mutant Line With High HCA content (memenangi pingat emas) di British Invention Show, London Britain.
- 4) ChilliSense - An Optical Capsaicin Sensor For Chilli Hottness Evaluation (memenangi pingat perak) di 34th International Exhibition of Inventions - Geneva Palexpo, Hall 7 - Switzerland.

**AHLI JAWATANKUASA  
INDUK**

**MAJLIS PERASMIAN KAMPUS USIM**

**PENGERUSI**

YBhg. Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Haji Husin

**AHLI JAWATANKUASA**

YBhg. Prof. Dato' Dr. Mohamed Asin Dollah

YBhg. Prof. Dr. Muhamad Muda

Tuan Haji Addenan Haji Abd. Rahman

Pn. Hajah Rohani Abu

En. Jasmin Jaimon

Ir. Daim Saian

YBhg. Prof. Dr. Mohammad Haji Alias

YBhg. Prof. Dr. Jalani Sukaimi

YBhg. Prof. Dr. Haji Abdul Samat Musa

En. Muhammad Haizuan Rozali

YBhg. Dr. Kamarudin Saadan

En. Hammad Farhi Mohd Saudi

En. Arif Syah Juhari

En. Muhammad Rahmat Abdullah

**AHLI JAWATANKUASA  
BERSAMA**

**MAJLIS PERASMIAN KAMPUS USIM**

**PENGERUSI**

YBhg. Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Haji Husin

**AHLI JAWATANKUASA**

YB Dato' Haji Norzam Mohd. Nor

Pn. Salmah Idris

YBhg. Prof. Dato' Dr. Mohamed Asin Dollah

YBhg. Prof. Dato' Dr. Muhamad Muda

Tuan Haji Addenan Haji Abd. Rahman

Pn. Hajah Rohani Abu

En. Jasmin Jaimon

Ir. Daim Saian

En. Muhammad Rahmat Abdullah

**AHLI JAWATANKUASA  
PELAKSANA**

**MAJLIS PERASMIAN KAMPUS USIM**

**PENGERUSI**

YBhg. Prof. Dato' Dr. Mohamed Asin Dollah

**AHLI JAWATANKUASA**

Tuan Haji Addenan Haji Abd. Rahman

En. Muhammad Haizuan Rozali

En. Hammad Farhi Mohd Saudi

Pn. Monaliza Laudang

Tuan Haji Mazlan Nawang

En. Zairul Hisham Ahmad Khulaimi

En. Mohd Saiful Abdul Samad

En. Hafez Fikri Adimat

Kapten (B) Abd. Wahab Mat Zin

En. Muhammad Rahmat Abdullah

# Lagu Patriotik

## NEGARAKU

Negaraku  
Tanah tumpahnya darahku  
Rakyat hidup bersatu dan maju  
Rahmat bagia  
Tuhan kurniakan  
Raja kita  
Selamat bertakhta  
Rahmat bagia  
Tuhan kurniakan  
Raja kita  
Selamat bertakhta

## USIM TERUS MAJU

Malaysia maju di zaman merdeka  
Umatnya bergerak berganding bahu  
USIM menyahut harapan bangsa  
Menjadi universiti termaju  
Cabaran masa teras kegiatan  
Penyelidikannya untuk dunia  
Terus progresif membina insan  
Berdisiplin mengamal nilai mulia  
Benteng harapan untuk terus maju  
Menjadi universiti terkini  
Meredah halangan mencipta mutu  
Mengharum negara seluruh bumi  
USIM berjanji pada ibunda  
Berjasa berbudi untuk semua  
Siswanya adalah tunggak Negara, Kan terus  
membela maruah kita

Lagu: Tuan Haji Mahzan Manan

Lirik: YBhg. Tan Sri Dr. Mohamad Yusof Noor

## LAGU NEGERI SEMBILAN

Berkatlah Yang Dipertuan Besar Negeri  
Sembilan  
Kurniai sihat dan makmur  
Kasihi rakyat lanjutkan umur  
Akan berkati sekalian yang setia  
Musuhnya habis binasa  
Berkatlah Yang Dipertuan Besar Negeri  
Sembilan

## CEMERLANG GEMILANG TERBILANG

Ke Puncak Penuh Keagungan  
Ke Lembah Penuh Kemuliaan  
Satu Hati  
Satu Rasa  
Impian Pasti Menjadi Nyata  
Demimu Malaysia Tercinta  
Kami Menggenggam Tekad  
Membawa Bangsa Negara  
Ke Puncak Keagungan  
Demi Bangsa  
Demi Negara  
Ayuhlah Kita Bangkit Berjuang  
Maju Bangsa  
Maju Negara  
Kita Di Pandang Mulia  
Cemerlang Terbilang Gemilang  
Negara Dan Juga Bangsa  
Mari Buktikan Pada Dunia  
Malaysiaku Berjaya  
Cemerlang Gemilang Terbilang

# Penghargaan

Universiti Sains Islam Malaysia  
Merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih  
Kepada

**YAB Perdana Menteri Malaysia**

**YAB Menteri Besar Negeri Sembilan**

**Kerajaan Negeri Sembilan**

**Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia**


**Majlis Perbandaran Nilai**

**Lembaga Pengarah USIM**

dan kepada semua warga USIM  
yang terlibat dalam menjayakan Majlis Perasmian Kampus  
ini.



# *Catatan*



[www.usim.edu.my](http://www.usim.edu.my)